



Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengrekrutan penagih dadah di Malaysia

Zarina Othman¹, Nor Azizan Idris¹, Mohamad Daud Druis¹

¹Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence: Mohamad Daud Druis (email: mdaud007@yahoo.com)

Abstrak

Keselamatan dunia kontemporari bukan sahaja menuntut aktor negara memainkan peranan yang sewajarnya tetapi juga aktor bukan negara. Ini kerana usaha menjamin keselamatan negara menjadi tercabar apabila aktor bukan negara bertindak di luar batasan dan melanggar norma-norma kehidupan termasuk undang-undang masyarakat sivil. Isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Malaysia merupakan isu nasional. Kerajaan Malaysia menerusi Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan pelbagai agensi telah melakukan pelbagai usaha bagi mengatasi masalah ini. Persoalannya adakah hasilnya boleh dibanggakan dalam mengekang ancaman kepada keselamatan komuniti-individu di Malaysia. Justeru, kajian ini menganalisis keterancaman keselamatan individu dan komuniti di Malaysia oleh penyalahgunaan dadah. Berasaskan konsep keselamatan insan kajian ini memanfaatkan hasil analisis dokumen, pemerhatian, perbincangan kumpulan terfokus, dan temu bual berstruktur dengan informan terpilih yang terlibat secara langsung dalam pengurusan masalah dadah dalam institusi dan komuniti dari dalam dan luar negara. Dapatan kajian mendapati wujudnya ancaman ke atas insan dalam individu-komuniti di Malaysia. Walau bagaimanapun, kepelbagaian dapatan kajian juga menunjukkan sebahagian besar program rawatan dan pemulihan yang dijalankan untuk mengekang pengrekrutan penagih adalah kurang berkesan.

Katakunci: ancaman keselamatan, jenayah, keselamatan insan, keselamatan komuniti, pengrekrutan penagih dadah, penyalahgunaan dadah

Illicit drugs as a security threat: An analysis of state-run programmes to curb drug addict recruitment in Malaysia

Abstract

Contemporary world security demands not only state but also individual non-state actors playing effective roles. It underlies the fact that securing community safety becomes a real challenge when non-state actors transgress the bounds of shared social norms and rules including those pertaining to the conduct of civil society. The issue of drug trafficking and drug abuse in Malaysia is a national problem. The government of Malaysia, through the National Anti-drug Agency and a few others has made various efforts to overcome this problem. The question is whether the results are something that the Malaysian society can be proud of. This study analysed the vulnerability of Malaysia's communities and individuals due to the threats caused by drug abuse. Based on human security concept the study utilised data gathered from documents, observations, focus group discussions, and structured interviews involving selected institutional and community member participants in local and non-local drug abuse management undertakings. The results of the study revealed that while the reality of the drug security threats was

solidly affirmed both at individual and community levels in Malaysia, the majority of the current state-run treatment and rehabilitation programmes to curb the recruitment of drug addicts were sadly still ineffective.

Keywords: community security, crime, drug abuse, drug addict recruitment, human security, security threats

Pendahuluan

Keselamatan dunia kontemporari, bukan sahaja aktor negara yang berperanan dalam segala tindakan, malah aktor bukan negara juga turut menimbulkan masalah apabila aktor bukan negara bertindak di luar batasan dan melanggar norma-norma kehidupan termasuk undang-undang masyarakat sivil. Ketika era Perang Dingin, Amerika Syarikat (AS) mengetuai negara maju yang berfahaman kapitalisme membendung fahaman komunisme. AS adalah pelopor kapitalisme, yang memperjuangkan kebebasan pasaran dan hak persendirian di samping mengungguli dasar tidak campur tangan negara dalam sistem ekonomi. Ini bertentangan dengan teras Sosialisme yang berpihak kepada campurtangan negara dalam menentukan halatuju ekonomi di samping pembentukan masyarakat yang samarata (Michael & Neil 2005). Pertembungan ideologi ini telah memunculkan persaingan antara dua kuasa besar iaitu AS dan Kesatuan Soviet (KS). Dunia politik menjadi dwi-polar dan fahaman komunisme menjadi persepsi ancaman kepada kapitalisme dan begitu juga sebaliknya bagi kapitalisme.

Ancaman dari pihak KS seperti penggunaan senjata nuklear telah menjadi igauan kepada AS dan begitulah juga sebaliknya. Namun, dewasa ini fahaman komunisme bukan lagi dianggap sebagai ancaman keselamatan bagi kebanyakan negara (Saley Idrissa Ibrahim et al., 2014). Ancaman keselamatan kini lebih menjurus kepada aktiviti haram yang merentas sempadan, yang berbentuk bukan ketenteraan, iaitu berbentuk “*non-military*” atau “bukan tradisonal”. Ini termasuklah jenayah rentas sempadan, seperti jenayah berkumpulan melibatkan dadah (*Drug Catel*), permerdagangan orang, rompakan lanun, dan perdagangan senjatapi, dimana ianya juga dikenali sebagai isu “keselamatan baru”. Perdagangan dadah misalnya melibatkan sindiket yang bukan sahaja menjalankan aktiviti pengedaran dadah tetapi juga bertanggungjawab terhadap pengubahan wang haram (*money laundering*) yang melibatkan berbillion Dollar US (*United Nations Office on Drug and Crime*, 2011). Malah laporan yang sama juga telah memuatkan masalah dadah di Asia Tenggara yang dianggarkan melibatkan penggunaan sebanyak 65 tan heroin setahun, bernilai USD 16.3 billions, manakala dadah jenis sintetik bernilai sebanyak USD 15 billions. Ini menunjukkan penularan ancaman oleh aktor bukan negara berdasarkan aktiviti yang mereka jalankan seperti pengedaran dadah haram.

Sehubungan dengan itu, ancaman dadah merupakan isu yang sensitif dari segi pelaksanaan penguatkuasaan bagi sesebuah negara. Ia juga masalah yang amat rumit untuk diselesaikan menurut tanggapan bagi sesetengah negara di rantau Asia Tenggara (William & Wiencek, 2000; Bakri Mat & Zarina Othman, 2014). Kenyataan tersebut disokong oleh data daripada *United Nations Office on Drug and Crime* (2011) yang melaporkan, di rantau Asia bagi tahun 2009 sahaja melibatkan keuntungan bersih yang diperolehi daripada hasil jualan dadah adalah sebanyak USD 7 billion. Ekoran daripada kenyataan dan tanggapan tersebut, menunjukkan bahawa aktiviti dadah haram amat mudah memasuki ke negara-negara di rantau ini secara berleluasa. Terdapat negara di Asia Tenggara, menganggap ancaman dadah itu wujud ekoran dari dasar kerajaan yang tidak mengambil berat terhadap pembanterasan dadah dan menjauhkan rantau ini daripada ancaman keselamatan bentuk baru. Sementara Collins (2007) menambah lagi dan mendakwa ianya sangat bergantung kepada kehendak politik sesebuah rejim yang memerintah. Penularan jenayah dadah merentas sempadan di banyak negara turut disokong oleh satu kajian yang dibuat oleh sarjana rantau ini. Dalam kajian mereka menyatakan arus globalisasi turut menyumbang kepada ketidaksamarataan ekonomi antara negara, ini turut menyumbang kepada kadar kemiskinan di sesebuah negara. Oleh kerana desakan ekonomi yang melanda masyarakat, ini adalah antara salah satu faktor kepada berlakunya aktiviti pengedaran dadah (Patcharawalai Wongboonsin et al., 2006). Kebanyakan kajian menunjukkan ancaman dadah adalah isu global dan rantau yang perlu ditangani dengan serius. Oleh

yang demikian, kajian di Malaysia kebanyakannya tidak memberikan fokus kepada kaitan dadah dengan ancaman keselamatan insan.

Artikel ini mengkaji kesan ancaman keselamatan bentuk baru yang disebabkan oleh aktiviti dadah dalam konteks negara Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data-data bagi membantu penulisan artikel ini. Ancaman dari masalah dadah bukan sahaja memberi kesan kepada keselamatan negara bahkan juga akan turut terkesan ialah keselamatan individu dan komuniti. Oleh itu hujahnya kenapakah ancaman dadah terhadap keselamatan individu dan komuniti ini semakin serius di Malaysia sejak sekian lama. Artikel ini akan mengetengah beberapa peringkat analisis bagi memahami bentuk ancamannya di Malaysia masa kini. Seterusnya akan menganalisis tentang bentuk ancaman dadah bagi memahami kesan kepada keselamatan individu dan komuniti. Ini adalah kerana dadah masih ancaman nombor satu kepada negara Malaysia sejak ia diisytiharkan pada tahun 1983. Penulisan ini hanya menggunakan salah satu elemen yang penting terdapat dalam konsep keselamatan insan, iaitu dari konteks keselamatan individu dan komuniti. Sity Daud et al. (2015) dalam tulisan mereka mendakwa masalah dadah adalah salah satu ancaman kepada keselamatan insan iaitu kesan dari pengedaran dadah. Keselamatan insan akan terancam dan memberi impak kepada takrifan keselamatan insan seperti yang digariskan, adalah merupakan satu usaha secepat yang perlu diiktiraf untuk meningkatkan kualiti hidup (Nor Azizan Idris & Rashila Ramli, 2012). Keselamatan insan adalah kesinambungan daripada perjuangan isu-isu hak asasi manusia, keselamatan sosio-ekonomi, komuniti-individu, kesihatan dan lain-lain lagi isu sudah semestinya mendedahkan manusia kepada ancaman. Ketidakselamatnya individu dalam sesebuah komuniti menyebabkan keadaan di sekeliling masyarakat akan terancam terutamanya kesan dari aktiviti dadah.

Dadah dan ancaman di Malaysia

Di Malaysia, penyeludupan, pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah telah menjadi satu isu besar yang memberikan ancaman kepada keselamatan negara. Antara sarjana yang membincangkan mengenai masalah ini adalah Abdullah dan Iran (1997) dan Winer (1986), memberikan pandangan kepada kita bahawa aktiviti penyeludupan ini terjadi hampir setiap hari di sempadan negara. Menurut Ismail Ahmad (2001) kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah mengalami peningkatan yang ketara dari hari ke hari. Kejayaan sindiket penyeludupan menembusi sempadan menimbulkan ancaman terhadap integriti sempadan negara Malaysia. Kemasukannya secara haram ke dalam negara ini disifatkan sebagai membelakangi kredibiliti negara dengan menunjukkan bahawa sempadannya tidak dapat dikawal dengan efektif. Ekoran dari itu juga dalam buku *Trafficking and the Global Sex Industry*, Beeks dan Amir (2006) menyatakan bahawa bahaya dadah dalam mengancam keselamatan negara bersaing rapat seperti maraknya industri seks antarabangsa yang membabitkan penyalahgunaan dadah. Di Malaysia masalah dadah dan pelacuran bersaing antara satu sama lain malah dilihat bersama-sama semakin meningkat tahap keseriusannya saban hari. Ini berdasarkan kepada kajian dan data yang dipaparkan termasuk ditonjolkan oleh pelbagai saluran media cetak dan elektronik mendakwa Malaysia masih berhadapan dengan masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

Oleh yang demikian, Malaysia juga bekerjasama dengan badan pembanterasannya antarabangsa seperti Amerika Syarikat dalam mengekang aktiviti berkenaan, termasuk aspek pengurusan dan penguatkuasaan yang serius, supaya boleh mengelak dari wujudnya ancaman keselamatan kepada negara. Manakala Brownfield dan William (2011) berpandangan pula, mendakwa bahawa kegagalan negara adalah punca utama mengapa dadah akhirnya menjadi ancaman bagi keselamatan negara Malaysia. Dadah bagi sebahagian negara tidak mutlak menjadi komoditi yang haram kerana istilah dadah itu sendiri yang mengandungi banyak makna seperti penggunaan dadah dalam bidang kesihatan dibenarkan. Perkara inilah yang menurut William, aktor negara perlu melakukan fungsi kawalan ketat ke atasnya, sama ada dadah boleh dibiarkan disalahgunakan secara berleluasa ataupun tidak.

Malaysia adalah antara negara yang telah mempunyai sejarah yang telah lama menghadapi masalah disebabkan oleh dadah termasuk antara negara yang pertama mengisytiharkan dadah sebagai ancaman

keselamatan negara. Ancaman dadah di Malaysia mempunyai kaitan dengan sindiket antarabangsa. Sindiket dari Malaysia pernah mengeksport dadah ke kawasan Eropah dan selepas 30 tahun pula sindiket Eropah pula mengeksport dadah ke negara-negara di Asia (Haris Wong Abdullah, 2012). Ini dapat dipaparkan oleh kajian yang menunjukkan perubahan trend pengedaran ini menjadi ancaman keselamatan ekonomi yang disebabkan oleh perubahan permintaan dadah. Masyarakat antarabangsa sedar dan mula mewujudkan agensi yang boleh membantu untuk menangani atau membendung isu ini. Agensi-agensi ini termasuklah *The United Nations Office on Drug and Crime* (UNODC), *The World Customs Organization* (WCO), *the International Police Organization* (Interpol), dan *The International Narcotics Control Board* (INCB) (Fazey, 2007). Namun pengembangan jaringan yang kukuh antara sindiket merentas sempadan negara menjadi hambatan terhadap dasar-dasar yang telah dirangka, oleh yang demikian kejayaannya amat minima.

De Rouen dan Bellamy (2008) mendakwa, perspektif keselamatan Malaysia berkaitan dengan dadah adalah dipengaruhi atau dibangkitkan oleh keadaan ancaman dadah dari negara jiran. Seperti mana diketahui, Malaysia yang berjiran dengan Indonesia, Thailand dan Singapura secara tidak langsung akan terdedah kepada ancaman keselamatan jika negara-negara jiran tidak dapat mengawal secara maksimal aktiviti dadah di negara masing-masing. Kesan dari ancaman berlaku di negara jiran, secara logiknya akan menyebabkan Malaysia juga berpotensi terdedah menjadi negara destinasi ataupun menjadi negara transit. Menurut Hoadley dan Ruland (2006) pula, aspek keselamatan negara Malaysia perlu dikaji semula. Mengkaji semula aspek-aspek yang boleh mengancam keselamatan negara bagi melihat secara mendalam aspek yang mendedahkan negara kepada ancaman keselamatan. Ancaman dadah adalah antara salah satu dari aspek yang mendedahkan Malaysia kepada ancaman keselamatan, oleh itu ia perlu dikaji semula. Pandangan Hoadley dan Ruland, menunjukkan bahawa dadah adalah ancaman utama kepada keselamatan Malaysia. Fakta yang paling nyata hari ini bukan lagi ancaman dari segi peperangan termasuk ancaman dari aspek ketenteraan atau lebih dikenali sebagai *traditional security threat*. Namun ancaman yang nyata kini kian menular ialah ancaman dikenali sebagai *'non-traditional'* termasuklah ancaman dari dadah. Dalam aspek inilah kedua-dua sarjana tersebut melihat pentingnya bagi Malaysia mengkaji semula faktor yang menjadi ancaman utama keselamatan negara.

Di Malaysia, dua kategori trend pengedaran yang turut menyumbang kepada isu dadah adalah punca ancaman keselamatan negara. Trend ini termasuklah cara pengedaran dadah haram di Asia Tenggara, iaitu pertama, dengan menyeludup dadah jenis tradisional, manakala trend kedua, pengedaran dadah jenis sintetik (*Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia*, 2011) yang melibatkan sindiket. Jenayah terancang ini merupakan kegiatan jenayah yang serius seperti yang dilaporkan oleh Biro Penyiasatan Persekutuan di Amerika Syarikat dan mendakwa jenayah terancang ini merupakan, "... *an organized crime enterprise is a continuing conspiracy, having an organized structure, fed by fear and corruption and motivated by greed*" (Banks et al., 2009). Di Malaysia, situasi dadah semakin serius dengan penemuan dan pengesanan sindiket pengedaran dadah berskala besar oleh pihak penguat kuasa di Kuala Lumpur (*Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik*, 2011). Antaranya pembongkaran yang dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap makmal-makmal haram, kedai ubat-ubatan dan wang tunai hasil dari aktiviti haram pengedaran dadah di Pulau Pinang (Utusan Malaysia, 2012). Selain dari itu agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia turut menjalankan operasi di peringkat jabatan dan menjumpai bukti-bukti yang berkaitan dengan perniagaan dadah di Malaysia (*Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik*, 2012).

Sehubungan dengan itu, data mengenai dadah disusun mengikut populasi etnik seperti kaum Cina, India dan Bumiputera tidak seimbang antara daerah dan negeri. Kaum Bumiputera adalah kaum yang paling rentan menjadi mangsa ancaman dadah yang paling serius di Malaysia, iaitu hampir 80 % dari segi tangkapan (Rushidy Ramly, 2012). Sebagai penduduk majoriti dalam negara majmuk, ancaman ini amat membimbangkan demi kelangsungan kestabilan politik di Malaysia yang bergantung kepada kuasa kaum majoriti. Namun kegagalan kerajaan dalam membendung ancaman ini wajar dikaji dari perspektif berlainan iaitu dari keselamatan insan untuk menjamin kestabilan politik di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, isu pengedaran dan penagihan dadah masih lagi menjadi perbincangan yang hangat di

kalangan para pembuat dasar dan pengkaji masalah keselamatan di Malaysia. Dilemanya ialah sama ada dari perspektif mana perlu dilihat, pendekatan keselamatan negara atau pendekatan keselamatan insan patut difokuskan dalam memahami dan menangani isu ini. Selain daripada itu, dalam mengekalkan kesejahteraan hidup manusia sejagat, mengenai keselamatan insan menurut Sity Daud et. al. (2015) sesebuah negara hendaklah menekankan elemen keselamatan insan seperti tekanan dari kemiskinan dan keselamatan komuniti.

Kajian sarjana tempatan juga, turut mendakwa masalah dadah merupakan satu ancaman atau masalah yang masih lagi serius dan amat membimbangkan (Abdullah al Hadi et al., 1997; Ismail Ahmad, 2001; Mimi Kamariah, 1995; Yusramizza Yusuf, 2007). Oleh itu sesuatu langkah drastik perlu dilakukan oleh pihak penguatkuasaan bagi membendung keseriusan ancaman dari dadah supaya penularan ancaman ini dapat dikurangkan. Ancaman yang paling membimbangkan bagi Malaysia pada masa kini ialah ancaman berbentuk baru iaitu ancaman kepada Keselamatan Insan. Salah satu elemen dari konsep keselamatan insan seperti yang dijelaskan sebelumnya adalah sebagai kayu pengukur terhadap keseriusan ancaman dari dadah. Elemen keselamatan individu dan komuniti perlu diambil perhatian di Malaysia kerana kedamaian atau keselamatan sesebuah negara bergantung kepada kesejahteraan rakyatnya.

Ancaman dadah terhadap keselamatan individu dan komuniti: Satu analisis

Keselamatan individu dan komuniti ini adalah salah satu elemen asas dalam konsep keselamatan insan yang akan menjamin kesejahteraan rakyat sesebuah negara. Keselamatan individu dan komuniti tidak seharusnya bergantung pada keselamatan sesebuah negara, tetapi sebaliknya (Bilgin, 2003). Dalam menghujahkan tentang keselamatan individu dan komuniti disebabkan oleh dadah, kesejahteraan kehidupan untuk masyarakat perlu diketengahkan.

Dalam menangani masalah penagihan dan pengedaran di Malaysia, perbagai cadangan diberikan oleh pelbagai pihak untuk memastikan keselamatan komuniti terjamin (Zarina Othman & Mohamad Daud Druis, 2015). Sasaran "Malaysia Bebas Dadah 2015" bermaksud negara ini telah mencapai sasaran kadar penyalahgunaan dadah yang kurang dari 1% penduduk negara serta kadar penagihan dadah yang kurang dari 0.1% penduduk negara yang berumur 15 hingga 64 tahun dan usaha ini akan diteruskan pada tahun berikutnya sehingga ke tahap yang lebih baik. Bagi mencapai sasaran bebas dadah jumlah penyalahguna dadah serta penagih dadah masing-masing mestilah tidak melebihi 207,000 dan 20,700 orang. Bagi penyalahguna dadah, pihak kerajaan melaksanakan program intervensi bagi membendung penyalahgunaan sehingga mencapai tahap minima penagihan dadah (Halim, 2013)


Permasalahan penagihan, pengedaran atau bekas penagih dan pengedar akan menjadi rumit kerana kehadiran mereka di dalam komuniti dan individu yang menjalani proses pemulihan ataupun sebaliknya. Sehubungan itu dalam membicarakan mengenai Orang Kena Pengawasan (OKP), ia amat berpotensi menjadi ancaman terhadap masyarakat setempat. Orang kena Pengawasan ini adalah terdiri dari bekas tahanan dari Pusat Pemulihan, banduan dadah yang telah bebas dari Penjara dan penagih-penagih dadah yang masih aktif menghisap dadah. Golongan ini hendaklah mengikut program yang dijalankan dan dipantau oleh pihak AADK seperti dalam perintah pengawasan dari Mahkamah.

Walaupun begitu tidak ramai yang konsisten mengikut program pengawasan ini. Selain dari AADK, OKP juga hendaklah melapur diri dengan pihak polis dalam proses pengawasan. Walaupun mereka dikawal oleh Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (APD) seperti yang termaktub dalam seksyen 6 (1)(b) APD seperti berikut:

“Suatu akta bagi membuat peruntukan mengenai rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan nya. Seksyen 6(1)(b) APD 1983 Memerintahkan orang itu diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam perintah itu selama tempoh tidak kurang daripada 2 dan tidak melebihi 3 tahun”.

Seperti mana peruntukan yang dinyatakan di atas tempoh 2 hingga 3 tahun itu merupakan satu jangka masa yang lama. Kebanyakan bekas penagih dadah mempunyai rekod kesihatan yang tidak baik dan mempunyai pelbagai jenis penyakit. Mereka juga tidak menjalani apa-apa program untuk membuat hidup mereka menjadi lebih sihat. Ini dijelaskan oleh Timbalan Pengarah 'Pusat Cure & Care' Karangan di Sungai Petani Kedah iaitu Idris Yusuf (2013) semasa temu bual, menyatakan 'Pusat Cure & Care' tidak menerima penagih atau bekas penagih atau atas apa-apa kesalahan yang berkaitan dengan dadah yang telah dikenakan perintah pengawasan dan mempunyai pelbagai penyakit.

Kenyataan dari Idris Yusuf di atas adalah jelas menyatakan bahawa Orang yang dikenakan pengawasan tidak diterima masuk untuk memasuki program dalam 'Pusat Cure & Care'. Ini akan menimbulkan masalah pada masyarakat sebab jumlah mereka yang dikenakan perintah pengawasan adalah ramai dan bebas bergerak. Pandangan di atas disanggah oleh informan yang juga ditemu bual iaitu Hussain Habil (2013) seorang pakar kesihatan dan pensyarah akademik dari Universiti Malaya. Beliau tidak bersetuju dengan sesuatu dasar yang tidak menguntungkan masyarakat dan negara. Beliau mendakwa keselamatan negara dan masyarakat akan terancam oleh pengedar dan penagih dadah. Jikalau bekas penagih tidak dirawat mereka akan hilang produktiviti dan akan merugikan negara kerana dari segi ekonomi akan tergugat. Ini adalah disebabkan negara akan terpaksa menampung kos untuk merawat jika risiko penyakit yang dihadapi oleh bekas penagih menular seperti jangkitan TIBI, HIV dan sebagainya.



Sumber: Laporan Agensi Dadah Kebangsaan dari Tahun 2008 - 2013.

Carta 1. Jumlah orang kena pengawasan di Malaysia bagi tahun 2008-2013

Carta 1 di sebelah adalah statistik menunjukkan orang yang dikenakan perintah pengawasan di seluruh Malaysia. Mereka masih aktif dan bebas bergerak setelah dikenakan perintah pengawasan oleh Mahkamah, jadi mereka di bawah program ini amat perlu kepada rawatan. Jika rawatan tidak diperuntukkan kepada mereka maka penyakit berjangkit akan menular, seterusnya akan menimbulkan masalah sosial termasuk suasana tidak selamat dalam komuniti setempat. Selain dari itu juga, kejadian jenayah yang meningkat seperti jenayah ragut, mencuri dan samun tanpa senjata api berkawan atau tidak berkawan sememangnya tidak dinafikan sebahagian dibuat oleh penagih dan pengedar secara kecil-kecilan. Penglibatan OKP dalam jenayah dan mempunyai rekod di seluruh Malaysia ialah sebanyak 15 peratus dari jumlah keseluruhan OKP. Sebanyak 14 peratus jumlah mereka terlibat dengan kes jenayah indeks (mencuri, meragut, pecah rumah dan samun tanpa senjata) yang telah direkodkan ialah di negeri-

negeri yang mempunyai ramai OKP seperti Pulau Pinang, Perak, Kedah, Johor, Kuala Lumpur, N. Sembilan (Laporan Agensi Dadah Kebangsaan, 2010).


Sehubungan dengan itu, temu bual dengan seorang informan yang pernah menjalani perintah Orang Kena Pengawasan dan masih terlibat dengan penagihan dan pengedaran dadah iaitu Mohd Daniel (2013)¹ bagi menyokong data yang diperolehi. Subjek mendakwa sebelum sesebuah syarikat atau orang perseorangan mengambil bekas penagih dadah atau penagih dadah hendaklah terlebih dahulu menyelidiki latar belakang mereka. Subjek turut menjelaskan kebanyakan bekas penagih termasuk mereka yang di bawah perintah pengawasan terlibat dengan kes kecurian, kes pecah rumah, meragut dan sebagainya. Ini adalah berdasarkan pengalaman subjek sebagai orang kena pengawasan termasuk bergaul dengan mereka menjalani pengawasan yang sama sebelumnya. Bersandarkan kepada pernyataan dari informan Mohd Daniel secara langsung telah memberi maklumat kepada masyarakat, walaupun penagih telah dikenakan perintah pengawasan namun kebarangkalian melakukan kes jenayah amatlah tinggi.

Selain dari itu, bagi membendung masalah pengedaran yang tidak mencukupi bukti untuk dituduh di Mahkamah, satu akta dipanggil Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985 diperuntukkan bagi mengawal mereka. Pengedar-pengedar yang dibebaskan dari pusat tahanan pemulihan akhlak dan pengedar yang dikenakan perintah sekatan akan menjalani hukuman sekatan ke atas pergerakan mereka. Walau bagaimanapun mereka ini juga masih aktif menjalankan aktiviti harian seperti bekerja dan sebagainya di dalam kawasan yang telah diperintahkan oleh Menteri Dalam Negeri Akta Dadah Berbahaya 1952, Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985. Petikan dari akta yang menyatakan orang sekatan diperintah mengikut perintah sekatan seperti diperuntukkan oleh akta tersebut adalah seperti berikut seperti berikut:

“Suatu akta bagi membuat peruntukan mengenai perintah sekatan atau orang sekatan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan nya. Seksyen 6(3) ADB (LLPK) 1985 Memerintahkan orang itu diletakkan di bawah pengawasan polis di tempat yang ditetapkan dalam perintah itu selama tempoh tidak melebihi 2 tahun”.

Tempoh minimum sekatan bagi orang yang di kena perintah sekatan ialah dua tahun dan boleh dilanjutkan sehingga enam tahun mengikut budi bicara Menteri Dalam Negeri berdasarkan laporan tingkah laku mereka semasa dalam tempoh menjalani perintah sekatan. Isunya di sini semasa mereka menjalani perintah sekatan pergerakan masih bebas dan mereka boleh membuat pelbagai aktiviti seperti mengedar dadah, merekrut penagih menjadi pengedar, maka ancaman persekitaran akan wujud. Mereka ini tidak disediakan sesi kaunseling oleh pakar-pakar yang berkaitan semasa menjalani perintah sekatan. Seterusnya komuniti setempat akan rasa tidak selesa hidup di persekitaran yang mempunyai ramai bekas pengedar atau sebilangan besar dari mereka masih aktif menjalankan aktiviti haram pada satu tempat yang sama (Helmi Mohamad, 2012). Bagi mengukuhkan pernyataan itu, statistik di bawah menunjukkan jumlah mereka yang dikenakan satu perintah tahanan dalam penjara, kedua dikenakan perintah sekatan dan ketiga mereka yang dibebaskan tanpa syarat kerana tidak disabit terlibat dalam aktiviti pengedaran.

¹ Informan telah ditemu bual di Alor Setar Kedah dan bukan nama sebenar.



Sumber: Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM Tahun (2008-2013).

Carta 2. Pecahan jumlah tindakan kepada pengedar dadah di bawah ADB (LLPK) dari tahun 2008 hingga 2013


Berdasarkan Carta 2 di muka surat sebelumnya, iaitu pecahan tindakan ke atas pengedar dadah di bawah peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Carta tersebut menjelaskan pecahan tindakan sejak tahun 2008 hingga 2013. Pada tahun 2010 merupakan tangkapan paling ramai iaitu 1,548 orang dari jumlah tersebut 1,135 orang di tahan di Pusat Pemulihan Akhlak. Seramai 336 orang dikenakan perintah sekatan dan 77 orang dibebaskan. Jumlah penurunan tangkapan pada tahun 2012 seramai 813 antara yang terendah dari 5 tahun kebelakangan. Seramai 533 dikenakan perintah sekatan manakala 237 dikenakan perintah sekatan dan selebihnya adalah dibebaskan. Sejak tahun 2008 hingga tahun 2013 sejumlah 2,027 orang, Orang Kena Sekatan (OKS) yang menjalani perintah sekatan di seluruh negara. Ekoran dari perintah sekatan ini, kebanyakannya OKS yang terlibat dengan pengedaran dan penagihan mempunyai banyak masalah berkaitan dengan jenayah yang akan menimbulkan dan memberi persepsi yang negatif kepada individu dan komuniti itu sendiri. Hasil temu bual dengan pakar akademik dari Universiti Pertanian Malaysia tentang masalah penagihan dan pengedaran, di mana impaknya amat jelas kepada komuniti dan individu tersebut. Pernyataan informan Mohamad Faisal Ibrahim (2012) dalam temu bual bersama beliau telah mengutarakan kaitan individu yang terlibat dengan dadah akan melibatkan jenayah seperti mencuri, merompak bahkan sanggup membunuh ahli keluarganya sendiri. Ini berlaku kerana mangsa ini hendak mencari modal untuk membeli dadah supaya ketagihannya boleh diatasi.

Masyarakat secara langsung akan terlibat dengan tempas perlakuan mereka yang tidak bermoral di sesebuah komuniti. Oleh itu satu pendekatan baru perlu diambil untuk membendung masalah ini. Jika kita mencari sesuatu cara baru cara lama tidak semestinya kerajaan akan abaikan. Setiap kaedah baru dan lama perlu diintegrasikan untuk mendapat hasil yang baik. Seseorang individu itu akan menjadi diri mereka sendiri dan komuniti menjadi ancaman kepada dadah, yang mana peluang amatlah pasti di mana kesan dadah yang baru (sintetik) akan mengancam dan membuat segala tindak tanduknya berbahaya. Haris Wong Abdullah (2012) seorang Timbalan Pengarah Operasi Jabatan siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, menegaskan bahawa seseorang yang mengambil dadah akan menjadi lebih agresif dan ofensif. Menurut beliau oleh sebab itulah pihak polis senantiasa berhati-hati semasa menguatkuasakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat dengan dadah jenis ini. Beliau menambah lagi bahawa tingkah laku mangsa dadah jenis baru ialah kebanyakan mereka tidak menghiraukan risiko kematian dan boleh berbuat

apa saya asalkan hajat mereka dapat dipenuhi. Sehubungan dengan itu kajian telah dijalankan oleh Bahagian Penyelidik bagi Polis Diraja Malaysia (2009) yang memaparkan, kadar jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah adalah sekitar 16.3 peratus. Kebanyakan jenayah yang dilakukan oleh mangsa terlibat dengan dadah ialah jenis jenayah indeks seperti mencuri, meragut dan merompak tanpa senjata api. Peratusan yang ditonjolkan dalam kajian itu amat membimbangkan masyarakat persekitaran yang senantiasa hidup di dalam keadaan berwaspada sepanjang masa kerana takut menjadi mangsa kejadian jenayah.

Kenyataan di atas juga diketengahkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad (2012) yang menyatakan sewaktu ditemu bual turut mendakwa, kejadian jenayah semakin berkembang disebabkan oleh penjenayah mengambil dadah di kalangan masyarakat. Ini kerana banyak kes-kes melibatkan pesalah dalam pengaruh dadah dipaparkan oleh media massa seperti kes penyembelihan bapa oleh anaknya sendiri. Kesan ancaman dadah kepada penagih dan pengedar kecil-kecilan akan menyuburkan kes-kes jenayah yang mengancam komuniti di sesebuah kawasan atau yang lebih besar kepada keselamatan negara. Carta 3 muka surat seterusnya menunjukkan bahawa kejadian jenayah Samun berkawan tanpa senjata api, samun tanpa senjata api dan ragut adalah jenayah yang sering dilakukan oleh penagih dadah dan pengedar dadah kecil-kecilan. Antara negeri yang mempunyai kes yang banyak dari segi jenayah ialah di negeri-negeri yang maju seperti Selangor, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain agak seimbang.

NEGERI	PLS	KDH	PP	PRK	WPKL	SEL	NS	MEL	JHR	KLN	TRG	PHG	SBH	SRK	JUMLAH
SAMUN BERKAWAN T/B'S/API	0	87	50	53	38	298	13	11	88	12	2	2	9	4	667
SAMUN TANPA B'S/API	0	23	34	12	11	130	4	1	10	4	1	13	0	3	246
CURI RAGUT	1	77	20	37	31	99	3	9	6	30	8	5	1	7	334
Jumlah	1	187	104	102	80	527	20	21	104	46	11	20	10	14	1,247



Sumber: Laporan Polis Diraja Malaysia Bagi Tahun 2009.

Carta 3. Kadar jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah bagi tahun 2009

Selain dari data statistik di atas, Laporan Jabatan siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman (2011) memaparkan banyak rampasan telah dibuat terhadap pelbagai jenis senjata api (kesalahan Jenayah Berat) seperti (Pistol, Pump Gun, SMG, Bom Tangan dan Peluru). Pada tahun 2008 sebanyak 40 kes dan 87 tangkapan, tahun 2009 38 kes dan 78 tangkapan, tahun 2010 pula sebanyak 48 kes dan 98 tangkapan dan bagi tahun kebelakangan ini pula sebanyak 49 kes dan 92 tangkapan. Dari kajian yang dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 16 peratus kes-kes jenayah yang melibatkan jenayah indeks harta benda telah dilakukan oleh penagih dadah. Selain dari itu suasana tidak selamat kepada individu ialah

dadah ini akan membawa kepada kesan yang lebih buruk jika masyarakat tidak memikirkan keselamatan dan kesejahteraan diri sendiri. Banyak kes di mana masyarakat ditipu oleh pihak sindiket dalam merekrut orang awam yang akan dijadikan mangsa (Helmi Mohamad, 2012). Contoh yang terbaik individu yang mudah terpengaruh dengan kemewahan tanpa mengkaji apakah pekerjaan yang menjamin keselamatan mereka. Di Malaysia ramai rakyat digunakan untuk membawa dadah ke luar negara dan mereka mendapat upah hasil dari pekerjaan yang mereka fikir amat mudah. Terdapat banyak kes-kes individu menjadi 'keldai dadah' semakin membimbangkan di Malaysia kerana ramai rakyat Malaysia ditangkap di luar negara atas kesalahan menyeludup dan mengedar dadah (Zainul Abidin Taib, 2012).

Sehubungan dengan itu hasil temu bual dengan informan-informan yang dinyatakan dalam penulisan makalah ini, masalah pengedaran dan penagihan pada tahap serius mengancam keselamatan individu dan komuniti. Pihak berwajib mesti melakukan sesuatu usaha atau tindakan yang lebih berkesan demi untuk menjamin keselamatan insan di Malaysia terjamin. Suatu mekanisme berkesan perlu untuk mengekang peranan yang dimainkan oleh aktor bukan negara dalam merekrut para pengedar dan penagih daripada terus terlibat menjadi mangsa dadah. Dalam usaha untuk mengekang kegiatan pengrekrutan terus subur di Malaysia pihak berwajib mestilah mengambil tindakan yang drastik untuk membendungnya.

Cadangan dan rumusan

Setelah meneliti ke atas hasil empirikal dan beberapa sampel temu bual yang dijalankan dengan penghuraian masalah dadah mengancam keselamatan insan amnya dan khususnya dari segi keselamatan Komuniti-Individu. Dari segi aspek keselamatan individu-komuniti kebanyakan informan bersetuju menghuraikan kesan kepada komuniti seperti keadaan jenayah meningkat. Peningkatan masalah jenayah melibat pengedaran dan penagihan dimana statistik telah menunjukkan penglibatan mangsa dadah dalam jenayah. Selain dari itu kesejahteraan masyarakat terjejas, bahkan individu juga turut terancam termasuk kesukaran dalam pengurusan individu sesebuah komuniti akan menjadi kucar-kacir. Selain keselamatan individu-Komuniti, keselamatan kesihatan juga perlu dititikberatkan kerana kaitan antara dadah dengan kesihatan ini amat sinonim. Kesejahteraan kualiti kesihatan dalam kehidupan mangsa kepada dadah akan menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan komuniti lain seperti penyakit berjangkit yang boleh menjangkiti keluarga dan masyarakat.

Dari segi jaminan keselamatan insan, mangsa dadah yang terlibat terperangkap dalam lembah kesengsaraan sama ada di dalam penjara ataupun kehidupan disamping masyarakat. Mangsa tercicir dari segi pendidikan, ekonomi yang mengancam masa depan mereka serta kehidupan sosial yang menjerumus ke arah kehancuran. Umumnya sokongan persekitaran lain seperti jaringan sosial, politik dan pihak kerajaan itu sendiri ternyata memainkan peranan yang penting dalam menjamin keselamatan insan seperti yang dibincangkan. Kerencaman insan yang terlibat dengan penagihan dan pengedaran yang direkrut oleh sindiket adalah faktor yang signifikan dalam menyumbang masalah ini. Oleh yang demikian pihak kerajaan dan NGO mestilah bekerja sama dalam membanteras atau mengekang masalah ini dari terus bermaharajalela. Pihak kerajaan boleh mengekang dari segi penguatkuasaan manakala pihak NGO membantu mengekang dari segi sokongan atau pemulihan kepada mangsa yang terlibat. Dengan adanya pendekatan keselamatan negara dan pendekatan keselamatan insan, maka mekanisme dalam mengekang aktiviti menjadi mudah dan seterusnya boleh mengurangkan masalah dadah di Malaysia.

Rujukan

- Agensi Dadah Kebangsaan (1998) *Laporan Pengarah ADK*. Pasukan Petugas Anti Dadah, Kuala Lumpur.
Arahan YAB. Perdana Menteri No 1 (2004) *Jentera Pelarasan Perlaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2010) *Laporan Pengarah ADK*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.

- Abdullah Al-Hadi Haji Muhamed, Iran Herman (1997) *Penagihan Dadah Mengikut Kaum, Diri, Keluarga dan Persekitaran*. Agensi Dadah Kebangsaan dengan Kerjasama UPM dan UKM, Kuala Lumpur.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2007) *Dadah Musuh No.1 Negara*. Thinker's Library Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Banks, Catherine M, Sokolowski, John A (2009) From War on Drugs to War Against Terrorism: Modeling The Evolution of Columbias Counter – Insurgency. *Social Science Research* **38**, 146 -154
- Brownfield, William R (2011) *International Narcotics Control Strategy Report*. Drug and Chemical Control, New York.
- Bakri Mat, Zarina Othman (2014) Regional Cooperation in Addressing Food Security Issues in Southeast Asia: Malaysian Perspectives. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* **10** (6), 37-47.
- Collins Alan (2007) *Contemporary Security Studies*. Oxford University Press, London.
- De Rouen Karl, Bellamy P (2008) *International Security and the United States; An Encyclopaedia*. Greenwood Publishing.
- Fazey C (2007) International policy on illicit drug trafficking: The formal and informal machanismes. *Journal of Drug Issues* **37** (4), 755-780.
- Harian Metro*, 18 Nov 2011.
- Internasional Drug Policy Consortium (2010) *Drug Policy Guide*, Edition 1. The Tawny Press, New York.
- Ismail B. Hj Ahmad (2001) *Kajian Keberkesanan Dasar Anti Dadah Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Karen Beeks, Delila Amir (2006) *Trafficking and the Global Sex Industry*. Lexington.
- Harian Metro*, 18 Julai 2010.
- Laporan Tahunan PDRM (2011). *Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.
- Laporan Tahunan PDRM (2012) *Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik*. Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, Kuala Lumpur.
- Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia (2009) Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2006) *Akta Dadah Berbahaya 1952* (Akta 234). Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2006) *Akta Penagih Dadah 1983*. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2006) *Akta Dadah Berbahaya 1952* (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2006) *Akta Dadah Berbahaya 1952* (Perlucuthakan Harta) 1988. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur.
- Michael T Snarr, Neil Snarr D (2005) *Introducing Global Issues*. Lynne Rienner Publishers Inc.
- Mimi Kamariah Abdul Majid (1991) *Drug laws and their enforcement by court in Malaysia*. (Tesis Kedoktoran). Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Nor Azizan Idris, Rashila Ramli (2012) Keselamatan Insan dalam Konteks Keselamatan Nasional: Isu dan Cabaran dalam Membina Indeks Keselamatan Insan Malaysia. In: Kamarulnizam Abdullah (ed). pp.79-96. Penerbit UKM, Bangi.
- Steve Hoadley, Jurgen Ruland (2006) *Asian Security Reassesse*. Institute of Southeast Asian Studies. Singapore.
- Patcharawalai Wongboonsin, Amara Pongsapich, Supang Chantavanich, Chanchutha Sookkhee (2006) Promoting Human Security in APAC Countries. Research Project on Human Security in the Global Cities Network. Institute of Asian Studies Chulaloungkorn University.
- Pilgrin P (2003) Individual and Societal Dimensions of Security. *International Studies Review* **5** (203-222).
- United Nation Development Programme (1994) *Human Development Report Present Concrete Proposals for the Social Summit*. United Nations Publications, New York.
- United Nations Office on Drug and Crime (2011) *World Drug Repot 2011*. United Nations Publications, New York.

- United Nations Office on Drug and Crime (2012) *Drug Abuse Information Network for Asia and the Pacific (DAINAP)*. United Nations Publications, New York.
- Utusan Malaysia* 28 Ogos 2012.
- Winer JM (1996) *Alein Smuggling: Transnational Crime Against National Borders*. Presentation to the Working Group on Organized Crime. National Strategy Information Centre. Washington DC. October 8. Trends in Organized Crime. Winter.
- William MC, David GW (2000) *Asian Security Handbook*. M.E. Sharpe, New York.
- Yusramizza binti Md Isa @ Yusuff (2007) *Pengedaran dadah: Undang-undang dan penguatkuasaan oleh Polis Diraja Malaysia*. (Tesis Sarjana) Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saley Idrissa Ibrahim, Zarina Othman, Nor Azizan Idris (2014) *The Decay and Withering Away of ECOWAS's role in West African Regional Security*. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space* 10 (3), 188-200.
- Sity Daud, Zarina Othman, Rashila Ramli (2015) *Human Security and Peace in Archipelagic Southeast Asia*. UKM publishers, Bangi.
- Zarina Othman, Mohamad Daud Druis (2015) *Ancaman sindiket dadah terhadap juvenil di Malaysia*. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space* 11 (1), 62-72.

Temu bual:

- Abdul Halim Hussein (2013) *Pensyarah (Pakar Psikologi kaunseling dan Penagihan Dadah) Universiti Sains Islam Malaysia*. Temu bual pada 7 Januari 2013.
- Hussain Habil (2013) *Pengarah Pusat Sains Penagihan dan Penyalahgunaan Dadah, Universiti Malaya*. Temu bual pada 11 Januari 2013.
- Helmi B. Mohamad (2012) *Pesalah Hukuman Gantung Sampai Mati dan menunggu giliran untuk menjalani hukuman*. Temu bual pada 12 November 2012.
- Haris Wong Abdullah (2012) *Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM Bukit Aman*. Temu Bual pada 18 Oktober 2012.
- Idris Yusuf (2013) *Beliau Merupakan Timbalan Pengarah PUSPEN Karangan, Kedah*. Temu bual pada 3 Februari 2013.
- Mohd Daniel (2013) *Penagih dan pengedar yang aktif di kawasan Alor Setar Kedah*. Temu bual pada 1 Februari 2013.
- Mahathir Mohamad. (2012). *Mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat*. Temu bual pada 23 November 2012.
- Mohamad Faisal B. Hj Ibrahim (2012) *Pensyarah University Putera Malaysia yang merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Awam*. Temu bual pada 16 April 2012.
- Rushidi B. Ramly (2012) *Timbalan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan*. Temu bual pada 21 Disember 2012.
- Zainul Abidin B. Taib (2012) *Beliau adalah Timbalan Pengarah Jabatan Kastam Malaysia (Pengarah Pencegahan/Operasi)*. Temu bual telah dibuat pada 19 Julai 2012.